

21 JAN 1996

Law - Satelit

MALAYSIA LANCAR SATELIT KEDUA TAHUN DEPAN

SHAH ALAM, 21 Jan (Bernama) -- Malaysia akan melancarkan satelit kedua tahun depan bagi tujuan penyelidikan, pendidikan dan komunikasi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata, pelancaran satelit mikro seberat 50 kilogram itu membanggakan kerana pembinaannya membabitkan jurutera Malaysia.

"Ini bermakna menjelang tahun 2000 Malaysia akan mempunyai dua satelit," katanya kepada pemberita selepas menutup pameran Sumur City Aerospace Adventure di sini, hari ini.

Beliau berkata seperti diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kementerian sedang berusaha merangka pelan induk sains dan teknologi angkasa.

Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA) akan mengetuai usaha itu. BAKSA yang dahulu di bawah Jabatan Perdana Menteri dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sejak Jun 1995.

Law berkata tumpuan yang akan diberikan ialah penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengembangkan keupayaan Malaysia dalam bidang sains angkasa.

Mengenai pameran yang julung kali diadakan di Asia, beliau berkata kajian menunjukkan 48 peratus daripada hampir 500,000 pengunjung terdiri daripada penduduk Lembah Klang dan 52 peratus dari negeri lain.

"Hampir dua per tiga daripada jumlah pengunjung terdiri daripada murid sekolah," katanya sambil berkata kajian juga mendapati tiga juta rakyat Malaysia menyatakan minat kepada sains angkasa.

Terdahulu, beliau berkata perlumbaan angkasa tidak lagi terhad hanya kepada Rusia dan Amerika Syarikat malahan banyak negara di dunia termasuk Malaysia sudah menyertainya.

"Kerajaan menyedari tentang pentingnya bidang ini supaya negara tidak ketinggalan dalam industri berkaitan dengan penggunaan teknologi aero angkasa," katanya.

Pada majlis itu, Law menyampaikan sijil penghargaan daripada kerajaan kepada Kumpulan Sumur Wang yang membelanjakan RM10 juta bagi mengadakan pameran itu yang berlangsung selama tiga bulan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Ketua Eksekutif Kumpulan Sumur Wang, Encik Lim Kim Hong atas sumbangan besar menganjurkan pameran yang membolehkan rakyat mendapat manfaat dan pengetahuan mengenai angkasa lepas.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud, Ketua Setiausaha Kementerian, Encik V. Danabalan dan Ketua Pengarah Baksa Prof. Dr Mazlan Othman.

Pelawat yang berkunjung pada hari terakhir pameran hari ini antaranya Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim. -- BERNAMA